



30 November 2011
30 November 2011
P.U. (A) 389

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH TENAGA BOLEH BAHARU (FI PENTADBIRAN) 2011

RENEWABLE ENERGY (ADMINISTRATIVE FEES) ORDER 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TENAGA BOLEH BAHARU 2011

PERINTAH TENAGA BOLEH BAHARU (FI PENTADBIRAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 20 Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [*Akta 725*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Tenaga Boleh Baharu (Fi Pentadbiran) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2011.

Fi pentadbiran

2. (1) Seseorang pemegang lesen pengagihan hendaklah dibayar fi pentadbiran di bawah perenggan 20(a) Akta yang dikira pada kadar dua peratus bagi setiap pembayaran yang dibuat di bawah kaedah 8 dan, jika terpakai, kaedah 10 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Mendapatkan Wang oleh Pemegang Lesen Pengagihan) 2011 [*P.U. (A) 388/2011*].

(2) Pihak Berkuasa hendaklah dibayar fi pentadbiran di bawah perenggan 20(b) Akta yang dikira pada kadar tiga peratus bagi setiap pembayaran yang dibuat di bawah kaedah 8 dan, jika terpakai, kaedah 10 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Mendapatkan Wang oleh Pemegang Lesen Pengagihan) 2011.

Pembayaran fi pentadbiran

3. (1) Fi pentadbiran yang disebut dalam subperenggan 2(1) dan (2) hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang dan dibayar kepada pemegang lesen pengagihan dan Pihak Berkuasa secara bersama dengan setiap pembayaran yang dibuat di bawah kaedah 8 dan, jika terpakai, kaedah 10 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Mendapatkan Wang oleh Pemegang Lesen Pengagihan) 2011.

(2) Fi pentadbiran yang disebut dalam subperenggan 2(2) hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 [Akta 726].

Pembayaran balik bayaran yang terlebih

4. (1) Jika seorang pemegang lesen pengagihan menerima suatu pemberitahuan tentang bayaran yang terlebih di bawah kaedah 9, atau suatu notis bertulis tentang bayaran yang terlebih di bawah subkaedah 5(6) yang pemegang lesen pengagihan itu dikehendaki untuk membayar balik jumlah yang terlebih dinyatakan itu kepada Pihak Berkuasa di bawah subperenggan 5(7)(b)(ii), Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Mendapatkan Wang oleh Pemegang Lesen Pengagihan) 2011—

- (a) pemegang lesen pengagihan itu hendaklah membayar balik fi pentadbiran kepada Kumpulan Wang yang dikira pada kadar dua peratus daripada jumlah bayaran yang terlebih itu; dan
- (b) Pihak Berkuasa hendaklah membayar balik fi pentadbiran kepada Kumpulan Wang yang dikira pada kadar tiga peratus daripada jumlah bayaran yang terlebih itu.

(2) Fi pentadbiran yang dibayar balik di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar balik kepada Kumpulan Wang tanpa apa-apa bunga dan tidak lewat daripada tiga puluh hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan atau notis bertulis yang disebut dalam subperenggan (1).

(3) Seseorang pemegang lesen pengagihan yang tidak mematuhi subsubperenggan 1(a) dan subperenggan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.